

SULIT

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KOTA BELUD

PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2014

1103/2 (PP)

Bahasa Melayu

Kertas 2

Peraturan Pemarkahan

Ogos 2014

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini SULIT dan Hak Cipta PPD Kota Belud. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 16 halaman bercetak

Markah penuh: **110** markah

Soalan 1

Markah penuh **30** dibahagi kepada:

- (a) Isi – 20 markah
- (b) Bahasa – 10 markah

- (a) Isi [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan
Perkataan yang dikira sebagai **satu** perkataan
 - nama khas
 - perkataan berulang (kata ganda)
 - penggunaan kata sendi *di* dan *ke*
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
- (ii) **Kira** dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan sahaja** sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya tidak perlu diperiksa
- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16	
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/Kesimpulan											2
	Jumlah Markah										20

Soalan 1 : Rumusan

SKEMA PEMARKAHAN

Soalan : 1

SKEMA PEMARKAHAN Rumusan		Markah
Pendahuluan / Pengenalan [2 markah] - Peranan		
Petikan membincangkan tugas / tanggungjawab remaja sebagai pengguna di negara ini/ di Malaysia.		2m
Petikan membincangkan tugas / tanggungjawab remaja sebagai pengguna		1m
Petikan membincangkan peranan remaja sebagai pengguna di negara ini.		0m
Isi Tersurat (peranan remaja sebagai pengguna) (4 hingga 12 markah)		Markah
S1	melibatkan diri dalam hal-hal kepenggunaan	2m
S2	menjadi ahli persatuan pengguna di tempat masing-masing.	2m
S3	remaja perlu berkongsi pengetahuan sebagai pengguna dengan masyarakat	2m
S4	menggunakan perkhidmatan laman sosial sebagai wadah komunikasi untuk menubuhkan kelab pengguna	2m
S5	mengetahui sebarang produk (1m) dan perkhidmatan daripada pelbagai sumber(1m)	2m
S6	mengambil tindakan yang sewajarnya andai mereka menjadi mangsa dalam hal-hal kepenggunaan	2m
S7	memahami hak dan tanggungjawab sebagai pengguna	
S8	mengambil sedikit masa untuk melihat isu-isu penting tentang kepenggunaan	2m
S9	melakukan kajian terhadap isu-isu tertentu	2m
S10	berfikir dahulu dan merancang sebelum berbelanja	2m

Isi Tersirat -

Markah

Cara-cara memupuk kesedaran kepenggunaan dalam kalangan remaja (4 hingga 12 markah)

T1	Ibu bapa mendidik anak-anak tentang kepentingan kepenggunaan	2m
T2	Sekolah menubuhkan Kelab Pengguna untuk menyebarkan maklumat kepada pelajar	2m
T3	Kerajaan mengadakan kempen kesedaran tentang hak-hak pengguna	2m
T4	Badan bukan kerajaan (NGO) memberikan ceramah / bengkel / seminar / kursus kepenggunaan	2m
T5	Sekolah/NGO menganjurkan pertandingan pidato/forum/penulisan esei yang berkaitan kepenggunaan	2m
T6	Media massa menyiarkan iklan/artikel/rencana/risalah berkaitan isu kepenggunaan	2m

Kesimpulan	Markah
Kesimpulannya, masyarakat perlulah bekerjasama memupuk kesedaran remaja terhadap hak-hak mereka sebagai pengguna agar melahirkan pengguna yang bijak	2m
Kesimpulannya, semua pihak hendaklah bekerjasama memupuk kesedaran remaja terhadap hal-hak mereka sebagai pengguna agar menjadi pengguna yang cerdas	2m
Kesimpulannya, semua pihak hendaklah memupuk kesedaran remaja sebagai pengguna supaya mampu menjadi pengguna yang bijak	2m

(b) **Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 – 20 15 - 17	9 – 10 7 – 9	Kesinambungan isi baik Struktur ayat/tatabahasa baik Kosa kata luas Tanda baca/ejaan betul
Sederhana	12 – 14 8 - 11	6 – 7 4 – 6	Kesinambungan isi masih baik Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan Kosa kata masih memuaskan Tanda baca/ejaan juga memuaskan
Lemah	1 - 7	1 – 4	Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan

Nota:

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, tolak 1 markah
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah tidak dipotong.

[Markah bahasa **maksimum: 10 markah**]

Soalan 2

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : 9 markah

Soalan 2(b) : 9 markah

Soalan 2(c) : 8 markah

Soalan 2(d) : 9 markah

Perhatian bagi soalan 2 (a) hingga Soalan 2 (d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/semurna
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah.

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup dan ayat gramatis	1
- Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah (2 isi)

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas tetapi ayat kurang gramatis.	2
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	1
- Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah (3 isi cukup)

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugas tetapi ayat kurang gramatis.	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
- Isi tidak cukup /kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

Soalan 2(a) - Petikan umum

(i) Maksud rangkai kata *produk tiruan*

- barangan/barang palsu/tidak asli 2
- produk palsu/barang tiruan 1

[maksimum : 2 markah]

(ii) **Sebab/faktor** remaja sering menjadi mangsa dalam isu kepenggunaan (2 isi)

P1- remaja sendiri kurang ambil peduli tentang hak dan tanggungjawab sebagai pengguna

P2- jurujual menggunakan permainan psikologi

P3- faktor usia dan pemikiran remaja itu sendiri yang tidak matang

[maksimum : 3 markah]

iii) Tindakan apabila menyedari telah tertipu setelah membeli sesuatu barangan: (3 isi cukup- 3 isi)

P1- Membuat aduan kepada Persatuan Pengguna

P2- Membuat laporan di balai polis

P3- Melaporkan perkara tersebut kepada Tribunal Pengguna

P4- Memulangkan barang tersebut kepada peniaga

P5- Menuntut ganti rugi

[maksimum : 4 markah]

Soalan 2(b) : Petikan Drama

(i) Kesalahan yang dilakukan oleh Sabarah sehingga sanggup jarinya dipotong:

- melukakan hati ibunya 1
- mementingkan diri sendiri/perniagaannya 1

[maksimum : 2 markah]

(ii) Harapan ibu bapa kepada anak-anak: (2 isi cukup)

- P1- anak-anak ambil berat kebajikan ibu bapa
- P2- sokongan moral ketika ibu bapa ditimpa masalah
- P3- kasih sayang anak-anak yang tidak berbelah bahagi
- P4- keperihatinan anak-anak terhadap keadaan diri mereka yang sudah tua

(iii) **Satu** latar masyarakat yang terdapat dalam petikan drama

P1- Masyarakat yang insaf akan kesalahan yang dilakukan	Contohnya Salmah memohon ampun kerana terlalu mementingkan perniagaan.	1 + 1
---	--	-------

Latar masyarakat dalam keseluruhan drama:

P1- Masyarakat penyayang iaitu menyayangi anak-anak	Contohnya sikap Jimah dan Jumaat yang tidak mahu menyusahkan anak-anak mereka dalam mencari rezeki pada usia emas.	1 + 1
P2 - Masyarakat yang prihatin dalam memberi bantuan	Misalnya Pak Man yang datang menziarahi keluarga Jimah semasa kehilangan Jumaat.	1 + 1
P3- Masyarakat yang berpendidikan	Misalnya anak-anak Jimah yang berjaya dengan kerjaya masing-masing, Salmah sebagai pereka fesyen, Sani sebagai doktor, Shahrul sebagai akauntan.	1+1
P4- Masyarakat yang berpendidikan	Misalnya anak-anak Jimah yang berjaya dengan kerjaya masing-masing, Salmah sebagai pereka fesyen, Sani sebagai doktor, Shahrul sebagai akauntan.	1 + 1
P5- Masyarakat yang mementingkan kerjaya	Misalnya Shahrul yang ingin kembali ke Kuala Lumpur setelah tamat cutinya	1+ 1
P6- Masyarakat yang menghormati orang yang lebih tua	Misalnya Sani dan Wan Malini yang menghormati Jimah dan Jumaat.	1 + 1

Soalan 2 (c): Petikan Prosa Tradisional

(i) Maksud kata *mengubah perjanjian*

- mengingkari /mengubah/memungkiri persetujuan/permuafakatan 2
- memungkiri perjanjian 1
- mengubah persetujuan 1

[maksimum : 2 markah]

(ii) **Tindakan** yang dilakukan oleh Inderaputera (Isi cukup – 2 tindakan)

P1- Inderaputera **mengembalikan** baju Tuan Puteri Ratna Gemala Nehran.

P2- Inderaputera mengikut Tuan Puteri Ratna Gemala Nehran **ke mahligainya**.

P3- Inderaputera **duduk di dalam** tabak untuk pergi ke mahligai Tuan Puteri Ratna Gemala Nehran.

(iii) **Sebab** seseorang itu perlu menepati janji (Isi cukup – sebab)

P1- menepati janji tuntutan agama.

P2- maruah seseorang dilihat pada keupayaan menepati janji.

P3- kepercayaan seseorang terhadap dirinya akan hilang jika tidak menepati janji.

P4 - imej seseorang dilihat pada kemampuannya menepati janji.

Soalan 2(d): Puisi Tradisional

(i) Maksud *cuka kesangsian* dalam sajak.

- perasaan (1m) hampa/ derita/ragu-ragu/was-was (1m)

[2 markah]

(ii) **Cara** seseorang remaja dapat menjaga maruah dirinya [2 isi cukup]

P1: memikirkan keburukan sesuatu tindakan supaya dia terhindar daripada melakukan perbuatan yang negatif) / berfikiran rasional.

P3: sentiasa mengamalkan ajaran agama/ nilai-nilai moral.

P4: tidak berkawan dengan orang yang rendah akhlaknya.

P5: sentiasa mematuhi nasihat orang tua/ ibu bapa/ guru-guru

[3 markah]

(i) **Dua** pengajaran

P1- Kita haruslah mencontohi para anbia dan aulia **agar** kehidupan lebih bahagia

P2- Kita mestilah merendah diri walaupun berilmu dan disayangi ramai **agar** terhindar daripada sikap riak dan takbur.

P3- Kita hendaklah patuh pada hukum syarak **supaya** terhindar daripada kemungkaran.

P4- Kita mestilah menghindari orang yang bersikap negatif **agar** tidak terpengaruh.

[4 markah]

Soalan 3

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : **6** markah

Soalan 3 (b) : **6** markah

Soalan 3(c): **6** markah

Soalan 3(d) : **6** markah

Soalan 3(e) : **6** markah

Perhatian bagi soalan 3 (a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul
2. Tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah
10. Ayat mengelak, berikan 0 markah

Jawapan 3(a)

- (i) menghadihkan – memberikan sesuatu sebagai hadiah
- (ii) menghadiahi – memberikan hadiah kepada seseorang
- (iii) menganugerahkan – memberikan sesuatu sebagai anugerah
- (iv) menganugerahi – memberikan anugerah kepada seseorang
- (v) menghutangkan – memberikan sesuatu sebagai hutang
- (vi) menghutangi – memberikan sesuatu sebagai hutang kepada seseorang

Jawapan 3(b)

Menentukan jenis ayat majmuk

- (i) Ayat majmuk gabungan
- (ii) Ayat majmuk pancangan relatif
- (iii) Ayat majmuk pancangan keterangan
- (iv) Ayat majmuk gabungan
- (v) Ayat majmuk komplemen
- (vi) Ayat majmuk campuran

Jawapan 3(c)

Ejaan			Alasan
	Salah	Betul	
i	lebeh	lebih	Perkataan yang tepat ialah ' <i>lebih</i> ' kerana ejaannya mengikut pola keselarasan vokal. Perkataan ' <i>lebeh</i> ' dieja tanpa mengikut pola keselarasan vokal.
ii	mengulangkaji	mengulang kaji	Perkataan ' <i>ulang kaji</i> ' ialah kata majmuk. Apabila menerima imbuhan awalan, hanya kata dasar yang pertama dirapatkan, manakala perkataan kedua terpisah melainkan kata majmuk tersebut menerima apitan.
iii	teknoloji	teknologi	perkataan ' <i>teknoloji</i> ' salah kerana tidak mengikut kesesuaian bahasa Melayu. Ejaan sebenar dalam bahasa Inggeris ialah <i>technology</i> . Huruf <i>g</i> dikekalkan dalam bahasa Melayu untuk menjadi <i>teknologi</i>

Imbuhan			Alasan
	Salah	Betul	
i	mempertingkat	mempertingkatkan	Perkataan ' <i>tingkat</i> ' bukan kata adjektif tetapi kata nama. Oleh sebab itu, perkataan tersebut perlu menerima apitan memper-...-kan. Perkataan yang tepat ialah <i>mempertingkatkan</i>
ii	memberi	memberikan	Perkataan <i>memberi</i> salah kerana bermaksud menyebabkan seseorang menerima sesuatu. Perkataan ' <i>memberikan</i> ' bermaksud sesuatu diberikan kepada seseorang. Oleh sebab itu, kata terbitan yang tepat mengikut konteks ialah <i>memberikan</i>
iii	pengembangan	perkembangan	Perkataan ' <i>pengembangan</i> ' salah kerana bermaksud perihal atau perbuatan ' <i>mengembang</i> ' atau ' <i>mengembangkan</i> '. Perkataan ' <i>perkembangan</i> ' ialah keadaan atau hal berkembang. Dalam konteks ayat, perkataan yang tepat ialah <i>perkembangan</i> .

Jawapan 3(d)

Kesalahan Kata atau istilah			Alasan
	Salah	Betul	
i	lembaran	lebaran	Perkataan ' <i>lembaran</i> ' salah kerana membawa maksud helaian atau muka surat atau halaman, manakala perkataan <i>lebaran</i> bermaksud hari Haya Puasa pada 1 Syawal. Oleh itu, perkataan yang tepat ialah <i>lebaran</i>
ii	resmi	rasmi	Yang tepat ialah perkataan " <i>rasmi</i> " yang bermaksud sesuatu yang disahkan oleh pihak yang bertanggungjawab, manakala perkataan ' <i>resmi</i> ' bermaksud sifat asal atau semula jadi bagi sesuatu atau seseorang. Perkataan yang tepat mengikut konteks ayat ialah <i>rasmi</i>
iii	Penumbuhan	Pertumbuhan	Yang tepat ialah perkataan ' <i>pertumbuhan</i> ' yang bermaksud perihal atau keadaan bertumbuh, manakala perkataan ' <i>penumbuhan</i> ' ialah perbuatan menumbuhkan.

Kesalahan Tatabahasa			Alasan
	Salah	Betul	
i	masuk hari	masuk ke hari atau memasuki hari	Kata kerja tak transitif diikuti oleh kata sendi nama. Dalam hal ini, perkataan ' <i>masuk</i> ' ialah kata kerja tak transitif yang perlu diikuti kata sendi nama <i>ke</i> untuk menjadikan ayat itu gramatis, iaitu <i>masuk ke hari</i> atau <i>memasuki hari</i>
ii	Pusat membeli-belah	Pusat beli-belah	Frasa nama ' <i>pusat membeli-belah</i> ' salah kerana dikatakan pusat itu bertingkah laku seperti manusia membeli-belah. Frasa nama yang tepat ialah <i>pusat beli-belah</i> .
iii	berdasarkan kepada ekonomi	berdasarkan ekonomi	Kata kerja tak transitif <i>ber-...-an</i> perlu diikuti pelengkap kata nama. Dalam hal ini, perkataan ekonomi ialah kata nama. Frasa yang betul ialah ' <i>berdasarkan ekonomi</i> '

Jawapan 3(e) Peribahasa

Perhatian:

1. Kesalahan ejaan/imbuan, tolak $\frac{1}{2}$ daripada markah keseluruhan
 - i) Sudah dapat gading bertuah, tanduk tidak berguna lagi
 - ii) Berakit-rakit ke hulu , berenang-renang ke tepian, bersusah-susah dahulu, bersenang- senang kemudian/ genggam bara api biar sampai jadi arang
 - iii) durian runtuh/ rezeki terpijak/ tikus jatuh ke beras

Soalan 4: Novel

Markah penuh **15** markah

Peraturan pemarkahan bagi Soalan 4

- (a)
 - (i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
 - (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
 - (iii) Beri **2** markah bagi setiap peristiwa saspens dan huraian/ccontoh yang betul..
 - (iv) Markah isi maksimum 4 (maksimum 2 markah bagi setiap peristiwa).
 - (v) Markah bahasa maksimum 3.
 - (vi) Markah bahasa diberi secara *impression*.
 - Baik : 3 markah
 - Sederhana : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
 - (vii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
 - (viii) Calon tidak menjawab 0 markah.

4 (a) Unsur saspens dalam sesebuah novel dikemukakan oleh pengarang untuk menimbulkan minat dalam diri pembaca agar memudahkan pembacaan mereka.

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda kaji, huraikan **dua** peristiwa yang menunjukkan unsur saspens dalam novel tersebut.

[7 markah]

(ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah

Peristiwa Saspens (1m)

Peristiwa Saspens (1m)	Huraian (1m)
Peristiwa Fuad pulang ke Sungai Ruan untuk menjejaki keluarga sebelah ibunya untuk menjejaki pusara ibunya.	Pembaca ingin tahu sama ada usaha Fuad itu membuahkan hasil atau tidak. Fuad bertanya tentang ibunya dengan Swee Lim dan Swee Lan dan seterusnya menjejaki ibunya hingga ke Lembah Klau
Peristiwa Fuad menaruh harapan yang tinggi untuk mencari ibu kandungnya apabila di Lembah Klau Pak Shamsuddin menyatakan bahawa Mariana masih hidup kerana pusaranya tiada di kampung itu	Pembaca ingin tahu sama ada Fuad berjaya mencari ibu kandungnya atau tidak. Akhirnya, Fuad mendapat tahu dia dan Farhana bersaudara kerana nama ibu mereka sama dan kedatangan Robert Lim mengesahkan Mariana ialah ibu kandung mereka

Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah

Peristiwa Saspens (1m)	Huraian (1m)
1. Peristiwa kehilangan Faridah dan Iqbal berhampiran dengan kawasan kemalangan tanpa meninggalkan sebarang jejak.	Pembaca tertanya-tanya kejadian yang telah menimpa Faridah dan Iqbal sehingga sukar dikesan oleh pihak berkuasa.
2. Peristiwa Faridah terjatuh ketika mandi.	Pembaca tertanya-tanya nasib Faridah selepas itu kerana Faridah telah dibawa ke hospital dan koma selama dua minggu.
3. Peristiwa Faridah yang terpaksa menempuhi kehilangan suaminya, Ghazali akibat kemalangan jalan raya.	Pembaca ingin tahu keadaan Faridah selepas menerima kematian Ghazali. Faridah hampir menjadi gila hingga menyebabkan dia membawa dirinya ke New Zealand.

- (b) (i) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
(iii) Beri **1** markah bagi setiap latar masyarakat.
(iv) Beri **2** markah bagi setiap huraian/ccontoh yang betul untuk setiap latar masyarakat
(v) Markah isi maksimum 6 (maksimum **3** markah bagi setiap latar masyarakat).
(vi) Markah bahasa maksimum 2.
(vii) Markah bahasa diberi secara *impression*
Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah
(viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
(ix) Calon tidak menjawab 0 markah.

4(b) Berdasarkan **dua buah novel** yang telah anda pelajari, huraikan **satu** latar masyarakat dalam setiap novel.

[8 markah]

Jawapan 4(b) – Latar masyarakat (1m)		Huraian (2m)
<i>Melunas Rindu</i> karya Hartini Hamzah	Masyarakat yang tabah menghadapi dugaan hidup.	Fuad tabah menghadapi dugaan hidupnya tanpa ibu dan bapa yang berpisah sejak kecil. Fuad menumpang kasih daripada bapa dan ibu saudaranya iaitu Patrik Lim dan Swee Lan. Fuad juga menumpang kasih daripada keluarga angkatnya iaitu Pak Ismail dan Mak Salmah.
	Masyarakat yang reda dengan ketentuan Tuhan	Fuad reda menerima ketentuan Tuhan bahawa Farhana ialah adik kandungnya. Fuad berazam untuk melindungi Farhana dan adik-adiknya yang lain setelah dia tidak berkesempatan melakukannya selama ini.
	Masyarakat yang komited terhadap tugas.	Fuad yang tidak berkira untuk mengadakan kelas tambahan selepas waktu persekolahan
	Masyarakat yang mengamalkan ajaran agama dalam kehidupan seharian	Fuad tidak sesekali melupakan tanggungjawab sebagai muslim dengan mengerjakan solat lima waktu
	Masyarakat yang kuat berpegang pada jati diri bangsa	Faridah masih memakan masakan Melayu dan menyediakan masakan kari untuk keluarganya walaupun sudah 25 tahun tinggal di New Zealand

<i>Kabus di Perbukitan</i> karya Mohamad Kholid Hamzah	Masyarakat yang mementingkan pendidikan anak-anak	Mejar (B) Kamarudin sanggup menyimpan wang melalui pembelian insurans pendidikan untuk membiayai pelajaran Rahayu di UPM
	Masyakat yang cinta akan alam sekitar	Azrul dan teman-temannya banyak mengadakan program pendedahan tentang alam sekitar kepada pelajar-pelajar
	Masyarakat yang mengambil berat terhadap kanak-kanak istimewa	Faridah, dan Mastura yang bertugas di PDK Suria menganggap berkhidmat kepada kanak-kanak istimewa ialah satu ibadah.
	Masyarakat yang beriman kepada Tuhan	Faridah dan Salmah dipaparkan sentiasa berdoa apabila menghadapi tekanan atau masalah hidup
	Masyarakat orang Asli	Tok Batin Senik merupakan Tok Batin bagi masyarakat orang asli yang menyelamatkan Faridah dan Iqbal di Bukit Fraser

Nota: Latar masyarakat yang terdapat dalam Modul Sinergi KOMSAS Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 diterima.

Selamat Memeriksa